

Kunci air rosak punca banjir

Penduduk dakwa projek jambatan Sungai Sireh memburukkan lagi keadaan

KOTA ALAM SHAH - Penduduk mendakwa kejadian banjir yang melanda kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) Kota Alam Shah kelmarin disebabkan kunci air di Jalan Papan, Pandamaran rosak selain ekoran pembinaan jambatan Sungai Sireh, Kampung Delek yang menghubungkan Seri Perantau bermasalah.



TEH

Wakil penduduk Taman Chi Liung, P.J. Teh mendakwa, kunci air di Jalan Papan, Pandamaran mengalami keuzuran berikutan sudah lama tidak diselenggara pihak berwajib hingga berlaku masalah teknikal.

"Akibat kerosakan itu, ia tidak dapat berfungsi ketika hujan lebat melanda kawasan ini kelmarin, hingga limpahan air

di sini tidak dapat keluar ke saluran yang sepatutnya.

"Justeru itu pihak berkenaan harus bertindak segera dengan menaik taraf kunci air milik sebuah Jabatan itu," katanya.

Menurutnya, sudah lebih tiga kali banjir melanda kawasan kediamannya dan perumahan penduduk lain di



Kelihatan tanah yang dikorek dilonggokkan di tepi tebing sungai selain kalbord belum dipasang ketika projek pembinaan Jambatan Kampung Delek dibina kontraktor.

Taman Chi Liung.

"Kami tidak tahan lagi menanggung masalah ini hingga air masuk ke kediaman selain terpaksa membersih-

kan halaman rumah," katanya.

Beliau berkata, penduduk juga percaya banjir melanda di kawasan ini berikutan air

tersangkut di tapak pembinaan jambatan Sungai Sireh yang menghubungkan Kampung Delek dan Kampung Seri Perantau yang

mana projek berkenaan adalah projek Exco Selangor.

"Kami penduduk telah melawat lokasi pembinaan dan mendapati paling yang dibuat tidak mengikut spesifikasi hingga ia dibina terlalu rapat dan menyukarkan pergerakan air.

"Malah tanah yang dikorek juga dilonggokkan di tebing sungai menyebabkan tanah tersebut termendap semula ke sungai setiap kali hujan lebat.

"Sepatutnya, kalbod dipasang terlebih dahulu di tebing sungai sebelum kerja-kerja mengorek tanah dilakukan agar tanah yang dilongok tidak termendap ke sungai semula," katanya kepada *Sinar Harian* malam kelmarin.